

TAMAN KINABALU SEBAGAI ASAS PELANCONGAN UTAMA SABAH DAN
KESANNYA KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT

Duini @ Vini Binti Sinteh

Laporan Projek Sarjana ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian syarat pengijazahan
Ijazah Sarjana Sastera (Geografi)

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh
Universiti Sains Malaysia

Ogos 2010.

PENGESAHAN

Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya ini adalah memadai daripada skop dan kualiti bagi penganugerahan sarjana Geografi.

Tanda tangan:-----

Prof. Madya Dr. Main Bin Rindam

Nama:-----

9 April 2012

Tarikh:-----

PENGAKUAN

Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satu telah saya jelaskan sumbernya.

Tanda tangan : 

Nama Penulis: Duini @ Vini Binti Sinteh

Tarikh : 19 Julai 2010

ABSTRAK

Pelancongan di Malaysia masih menjadi penyumbang pendapatan ketiga terbesar selepas industri perkilangan dan petroleum, walaupun diperingkat global ia sudahpun menjadi industri paling atas. Pelancongan adalah satu-satunya industri yang mampu memperkenalkan sesuatu tempat yang tersorok ke peringkat dunia dan mampu menghapuskan jurang kemiskinan di kalangan penduduk tempatan. Pada tahun 1993, peluang telah terbuka kepada masyarakat tempatan di Taman Kinabalu, Sabah iaitu menerusi usaha gigih kerajaan dalam kempen tahun melawat Malaysia. Salah satunya menjadikan Taman Kinabalu sebagai destinasi utama pelancongan di negeri Sabah. Tesis ini mengkaji impak pemilihan Taman Kinabalu sebagai asas pelancongan Sabah kepada masyarakat tempatan. Menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif daripada soal selidik, kajian ini menemukan beberapa dapatan penting berhubung dengan Taman Kinabalu sebagai sumber utama pelancongan di negeri Sabah khususnya yang bersangkutan paut dengan komuniti tempatan. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengkaji sumbangan Taman Gunung Kinabalu terhadap pembangunan kualiti hidup mereka penduduk tempatan. Kajian ini mendapati pelancongan di Taman Kinabalu telah memberikan impak kepada harga barangan dan juga nilai hartanah di kawasan sekitarnya. Peningkatan harga barang khususnya barangan keperluan harian pastinya bukan sahaja akan menurunkan taraf hidup tetapi boleh menjejaskan mutu atau kualiti hidup penduduk tempatan.

ABSTRACT

Tourism is becoming the third largest income contributor after manufacturing and petroleum industry in Malaysian economy. Even so it has become the top of global industry. It is the only industry that could introduce a hidden place to a world stage. It can also eliminate the poverty gap among the local residents. In 1993, the opportunity was open to local communities in the Kinabalu Theme Park, Sabah, through the concerted efforts of government in Visit Malaysia Year campaigns. One of the agenda was to make Kinabalu Theme Park as a major destination tourism in Sabah. This thesis analyses the impact of Kinabalu Theme Park to the local community. By using the quantitative and qualitative methods such as the questionnaires and interviews, several findings are revealed. Among them is the significant contribution of Kinabalu Theme Park towards developing quality of life of the local residents. The finding also shows the Kinabalu Theme Park has an impact on increased price of goods and the value of property in the surrounding area. Nevertheless, the increase in price of particular consumer or edible goods would lower the standard of living because of their limited affordability and thus affects the quality of life of the local residents as a whole.

PENGHARGAAN

Salam sejahtera dan salam hormat, terlebih dahulu syukur kepada Tuhan kerana dengan limpah kurnia, rahmat, kesempatan dan peluang dariNya saya telah berjaya menyelesaikan tesis ini bagi memenuhi syarat penganugerahan Sarjana Sastera (Ilmu Kemanusiaan - Geografi), Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia. Sesungguhnya tanpa petunjuk dan restu daripada-Nya, saya tidak mungkin mempunyai iltizam yang kuat untuk menyempurnakan tesis ini.

Dalam ruangan yang sangat bermakna ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Dr. Main Rindam selaku penyelia saya di atas segala bimbingan dan tunjukajar bagi menyediakan tesis ini sehingga siap, Sekalung penghargaan juga kepada pensyarah-pensyarag geografi yang lain, pegawai-pegawai kerajaan khususnya Taman Kinabalu Sabah mahupun pihak swasta yang turut sama membantu melicinkan kerja menyiapkan tesis ini.

Ucapan ribuan terima kasih teristimewa kepada ibu dan bapa, suami tersayang Ambrose Philip dan anak-anak tersayang Auddrey dan Allvrey yang sentiasa mendoakan kejayaan saya dan sentiasa membantu saya bagi memastikan tesis ini siap dengan sempurna. Terima kasih atas sokongan, dorongan dan semangat yang diberikan. Sesungguhnya kamu adalah sumber motivasi yang utama kepada saya. Tidak lupa juga kepada semua saudara dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan dorongan. Akhir sekali kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tesis ini, dorongan dan sokongan yang telah diberikan amat bermakna buat saya. Semoga diberkati dan dirahmati Tuhan di dunia dan akhirat. Syukur. Salam kasih dan sekali lagi terima kasih.

SINOPSIS

Tesis ini terbahagi kepada beberapa bab. Pengenalan kepada kajian ini akan dibincangkan dalam bab satu. Bab ini juga memberi fokus kepada perbincangan tentang isu dan masalah kajian, skop dan objektif kajian dan juga hasil serta kepentingan kajian.

Perbincangan tentang latar belakang isu dan masalah kajian seterusnya dilanjutkan ke dalam bab kedua kajian ini. Bab ini menyentuh tentang banyak isu pelancongan yang dilihat daripada pelbagai sudut kajian. Bab ini juga menerangkan pendirian kajian ini yang memberikan fokus kepada kajian impak pelancongan kepada penerimaan penduduk tempatan terhadap suntikan ekonomi kepada mereka, terutamanya dalam kehidupan harian mereka. Bab ketiga kajian ini akan membincangkan kaedah atau metodologi kajian serta teknik penganalisan kajian. Teknik Trigulasi digunakan bagi menghasilkan kajian yang signifikan dan representatif kepada keadaan sebenar atau realiti masyarakat tempatan.

Analisis kajian kemudiannya dibincangkan dalam bab keempat. Antara lain bab ini akan diisi dengan kupasan penemuan hasil kajian yang diperoleh menerusi soal selidik yang diajukan kepada penduduk tempatan. Bab kelima kajian ini pula akan menghuraikan cadangan yang boleh dikongsi dan dimajukan bagi memaksimumkan impak sektor pelancongan di kawasan pedalaman kepada komuniti setempat. Tesis ini diakhiri dengan bab kesimpulan.

AKRONIM

CBNRM	Community Based Natural Resource Management program
CBT	Community-based tourism
CFA	Colonies françaises d'Afrique/ Communauté Financière Africaine
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
FCFA	Franc CFA
GTP	Government Transformation Program
LIH	Lower Income Household
MASB	Malaysian Accounting Standard Board.
NACOBTA	Namibian Community Based Tourism Association
NGO	Non-governmental organization
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
RDST	Research Division for Sabah Tourism.
RNR	Renewable natural resources
WILD	Wildlife Integration for Livelihood Diversification
WTO	World Tourism Organization
UNEP	United Nation Environment Programme

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	TAJUK	I
	PENGAKUAN	II
	ABSTRAK	IV
	ABSTRACT	V
	PENGHARGAAN	VI
	SINOPSIS	VII
	AKRONIM	VIII
	KANDUNGAN	IX
	SENARAI RAJAH	XI
	SENARAI GAMBAR	XII
	SENARAI GRAF	XIII
	SENARAI PETA	XIV
	SENARAI JADUAL	XV
BAB 1.	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Permasalahan kajian	2
1.3	Skop dan definisi kajian	4
1.3.1	Pecahan petempatan sekitar Taman Kinabalu, Sabah.	7
1.4	Objektif kajian	9
1.5	Kepentingan kajian	9
1.6	Kekangan kajian	11
1.7	Rangka kerja penyelidikan	11
1.8	Jadual kajian	13
1.9	Susunan tesis	14
1.10	Rumusan	15
BAB 2.	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	16
2.2	Pendekatan kajian	18
2.2.1	Skop pelancongan	18
2.2.2	Sumber pelancongan sumber semula jadi	20
2.3	Kajian impak pelancongan	21
2.4	Pelancongan dan taraf hidup penduduk setempat	26
2.5	Tempat sebagai pelancongan utama	27
2.6	Pelancongan: Ekonomi dan peluang pekerjaan.	30
2.6.1.	Fiesta dan karnival di Taman Kinabalu.	30
2.6.2.	Warisan	31
2.6.3.	Peluang pekerjaan	32
2.8	Membuka pintu Sabah kepada dunia luar: Potensi dan Masalah	33
2.9	Rumusan	35

BAB 3. METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	37
3.2 Justifikasi kutipan data sekunder & primer	38
3.2.1 Pemilihan kaedah kajian	39
3.2.11 Kaedah kajian kualitatif – temubual	39
3.2.12 Justifikasi pemilihan sampel kajian	40
3.2.2 Kajian rintis	41
3.2.2 Kajian sebenar	42
3.3 Pemilihan kaedah analisis	42
3.4 Analisis Linkert	45
3.5 Rumusan	47
BAB 4. ANALISIS KAJIAN	
4.1 Pengenalan	49
4.2 Hasil kajian	49
4.2.1 Pelancongan Di Taman Kinabalu	53
4.2.2 Trend Kemasukkan Pelancong Ke Sabah dan Ke Taman Kinabalu	57
4.3 Impak Kepada Penduduk Tempatan	59
4.3.1 Profail Demografi	59
4.3.2 Analisis Silang Pelbagai Faktor	65
4.4 Impak pelancong kepada komuniti setempat	74
4.4.1 Persepsi komuniti tempatan terhadap pengaruh pelancongan kepada aspek sosio-budaya.	75
4.4.2 Persepsi impak pelancongan terhadap sosio-ekonomi komuniti tempatan	88
4.4.3 Kesan kepada kualiti hidup	98
4.4.4 Kesan kepada alam sekitar	102
4.5 Rumusan	104
BAB 5. DAPATAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	107
5.2 Kajian Impak Pelancongan	108
5.3 Dapatan Daripada Analisis Data	109
5.3.1 Impak Kepada Sosio Budaya Penduduk Tempatan	112
5.3.2 Impak Kepada Sosio-Ekonomi Tempatan	118
5.3.3 Impak Alam Sekitar.	122
5.3.4 Impak Perkhidmatan Kerajaan Tempatan.	128
5.3.5 Impak Kepada Kos Sara Hidup	132
5.4 Kajian Impak Pembangunan Pelancongan di Taman Kinabalu Kepada Penduduk Setempat.	136
5.4.1 Korelasi impak pelancongan dengan item demografi.	139
5.4.2 Cadangan	148
5.7 Rumusan	165
BAB 6. KESIMPULAN	169
BIBLIOGRAFI	183
LAMPIRAN	

SENARAI RAJAH	HALAMAN
Rajah 1.1 Kerangka kajian	12
Rajah 4.1. Pola skor setuju dan sangat setuju item sosio budaya	86
Rajah 4.2. Persepsi responden terhadap peluang pekerjaan	88
Rajah 4.3. Persepsi responden terhadap impak pelancongan kepada pekerjaan penduduk.	95
Rajah 5.1. Impak pelancongan terhadap pola pekerjaan isi rumah.	121
Rajah 5.2. Intipati Model Pelancongan	149
Rajah 5.3. Model semakan pelancongan.	153
Rajah 5.4. Model B-L-T sistem tourism Miller's bagi menggambarkan impak pelancongan kepada penduduk setempat di Kinabalu, Sabah.	161

SENARAI GAMBAR	HALAMAN
Gambar 5.1. Deretan kedai di Tenompok, Bundu Tuhan berhampiran Taman Kinabalu	124
Gambar 5.2. Pembangunan jalan raya ke Taman Kinabalu.	124
Gambar 5.3. Bangunan moden yang pesat mengisi lanskap sekitar Taman Kinabalu.	127
Gambar 5.4. Perkhidmatan kedai makan di sekitar Taman Kinabalu, Sabah.	155
Gambar 5.5. Puncak Kinabalu menjadi pengalaman paling menarik untuk dirasai pelancong yang datang ke Sabah.	157
Gambar 5.6. Gunung Kinabalu sebagai asas pelancongan Sabah.	158
Gambar 5.7. Kemudahan penginapan murah di Taman Kinabalu, Sabah.	159
Gambar 5.8. Kemudahan bilik penginapan di homestay Mitibang, Kampong tulung Tiulu, Sabah.	160

SENARAI GRAF

HALAMAN

SENARAI PETA

HALAMAN

Peta 1.1 Negeri Sabah. Peta kecil menunjukkan kedudukan Sabah di Malaysia.	5
Peta 1.2 Kedudukan Taman Kinabalu dan petempatan penduduk berdekatan.	6
Peta 1.3 Pekan terhampir dengan Taman Kinabalu, Sabah. Pekan Kundasang, peta kecil menunjukkan kedudukan Taman Kinabalu.	6

SENARAI JADUAL	HALAMAN
Jadual 1.1 Carta Gant Kajian	14
Jadual 2.1. Bilangan pelancong ke Sabah antara tahun 1998 hingga 2008.	16
Jadual 2.2. Pertambahan bilangan pelancong asing ke Malaysia antara tahun 1974 hingga 2008.	28
Jadual 2.3. Jumlah pelancong dari dalam dan luar negara yang datang ke Taman Kinabalu serta bilangan pendaki Gunung Kinabalu antara tahun 1965 hingga 2008.	29
Jadual 4.1. Ringkasan bentuk-bentuk perkhidmatan dan fungsi kediaman yang disediakan oleh unit-unit bangunan kedai di pusat urban Kundasang.	51
Jadual 4.2. Bilangan restoran, kedai-kedai makan di sekitar Taman Kinabalu (1 km sebelum Taman Kinabalu sehingga Pekan Kundasang).	52
Jadual 4.3 Jumlah pelancong yang datang ke Sabah mengikut wilayah antara tahun 1998 – 2002	54
Jadual 4.4. Bilangan pelancong yang datang ke Sabah pada tahun 2010.	55
Jadual 4.5. Ketibaan pelancong ke Sabah mengikut wilayah antara Januari hingga Jun 2011.	56
Jadual 4.6. Profail demografi pelancong antarabangsa ke Sabah	58
Jadual 4.7. Analisis demografi responden.	60
Jadual 4.8. Hubungan silang antara pekerjaan dengan pendapatan responden	66
Jadual 4.9. Hubungan antara pendapatan bulanan dengan tempoh Lama Tinggal	67
Jadual 4.10. Hubungan jenis pekerjaan dengan tempoh lama bermastautin	68
Jadual 4.11. Hubungan antara taraf pendidikan dengan pekerjaan responden	71
Jadual 4.12. Persepsi peluang belajar budaya orang lain di kalangan responden.	75
Jadual 4.13. Persepsi terhadap kewujudan beraneka restoran	76
Jadual 4.14. Persepsi terhadap cara hidup penduduk tempatan	77
Jadual 4.15. Persepsi penduduk terhadap kemudahan aktiviti budaya	78
Jadual 4.16. Persepsi responden terhadap hiburan	80

Jadual 4.17. Persepsi responden terhadap peluang memahami budaya asing.	81
Jadual 4.18. Persepsi responden terhadap tinggalan sejarah tempatan	82
Jadual 4.19. Persepsi berhubung pengiktirafan sosio-budaya tempatan	83
Jadual 4.20. Taburan min bagi persepsi responden berhubung item sosio-budaya	85
Jadual 4.21. Analisis t bagi item yang terdapat dalam faktor sosio-budaya.	87
Jadual 4.22. Persepsi penduduk terhadap pendapatan penduduk	90
Jadual 4.23. Persepsi responden terhadap taraf hidup penduduk	91
Jadual 4.24. Persepsi responden terhadap kemudahan membeli belah.	92
Jadual 4.25. Persepsi responden terhadap kualiti bangunan	93
Jadual 4.26. Impak pelancongan kepada pembangunan ekonomi tempatan	94
Jadual 4.27. Perbezaan mean item demografi terhadap maklum balas berhubung impak pelancongan terhadap pembangunan ekonomi tempatan	97
Jadual 4.28. Persepsi responden terhadap jurang agihan pendapatan	99
Jadual 4.29. Persepsi responden terhadap harga barang keperluan harian	100
Jadual 4.30. Persepsi responden terhadap nilai hartanah	101
Jadual 4.31. Persepsi responden terhadap kualiti perkhidmatan	102
Jadual 4.32. Persepsi responden terhadap kualiti alam sekitar	103
Jadual 5.1. Jumlah skor dan purata item sosio-budaya	110
Jadual 5.2. Skala Likert dan lima darjah tahap persetujuan.	111
Jadual 5.3. Pengiraan indeks bagi mendapatkan julat indeks kajian.	114
Jadual 5.4. Jumlah skor item sosio-ekonomi terhadap impak pelancongan	119
Jadual 5.5. Julat indeks item sosio-ekonomi.	119
Jadual 5.6. Impak pelancongan terhadap sosio ekonomi di Taman Kinabalu, Sabah	120
Jadual 5.7. Kualiti alam sekitar.	123

Jadual 5.8. Julat indeks item alam sekitar	125
Jadual 5.9. Penyusunan semula tahap kepercayaan penduduk tempatan terhadap item yang digunakan bagi menilai impak pelancongan kepada alam sekitar tempatan.	126
Jadual 5.11. Perkhidmatan Kerajaan Tempatan dan Negeri	129
Jadual 5.12. Penerimaan impak pelancongan di kalangan penduduk tempatan berasaskan penilaian item perkhidmatan pihak berkuasa tempatan dan negeri	130
Jadual 5.13 Jumlah pelawat ke Taman Kinabalu antara bulan Januari hingga Jun 2009.	131
Jadual 5.14. Jumlah skor kos sara hidup penduduk tempatan.	132
Jadual 5.15. Julat indeks kos sara hidup penduduk tempatan.	133
Jadual 5.16. Penerimaan impak pelancongan di kalangan penduduk tempatan berasaskan penilaian faktor kos sara hidup mereka.	134
Jadual 5.17. Persepsi penduduk terhadap kesan pelancongan.	137
Jadual 5.18. Korelasi antara item impak pelancongan dengan angkuh demografi penduduk setempat di sekitar Taman Kinabalu, Sabah.	140
Jadual 5.19. Korelasi antara item sosio-ekonomi dengan faktor impak pelancongan.	141
Jadual 5.20. Pengaruh pembangunan pelancongan terhadap Alam sekitar.	144
Jadual 5.21. Pengaruh pelancongan terhadap perkhidmatan kerajaan tempatan dan negeri	145
Jadual 5.22. Pengaruh pelancongan terhadap kos sara hidup penduduk sekitar Taman Kinabalu.	146

BAB 1. PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan.

Pelancongan menyumbangkan 12 peratus ekonomi dunia iaitu US\$ 2 trilion (Richard, 1993). Ia menjana 50 juta pekerjaan kepada penduduk dunia. Memandangkan ia menjadi sumber terbesar pekerjaan penduduk, kajian imperikal ke atas impak pelancongan di kawasan pedalaman telah dijalankan di Taman Kinabalu, Sabah. Malaysia khususnya Sabah memang mempunyai potensi besar dalam memanfaatkan industri pelancongan untuk meningkatkan taraf hidup penduduknya. Ada pelbagai faktor tarikan industri pelancongan yang terdapat di Sabah yang dikatakan mampu menarik pelancong tempatan dan luar untuk datang ke Sabah khususnya taman negara Kinabalu. Antara tarikan budaya yang terdapat di Sabah ialah permainan tradisional, alat-alat muzik tradisional, persembahan tradisional, tarian tradisional, hari-hari perayaan dan jenis-jenis kraf tangan. Satu lagi sapek yang tidak boleh dilupakan ialah kecantikan flora dan faunanya khususnya di taman negara Kinabalu.

Dalam tempoh satu dekad yang lalu Sabah telah melalui pengalaman yang sangat memberangsangkan dalam industri pelancongan apabila merekodkan peningkatan bilangan pelancong yang sampai ke negeri bawah bayu tersebut. Rekod menunjukkan bilangan pelancong yang datang ke Sabah antara tahun 1998 (423,248 orang) hingga

2008 (2,300,428 orang) meningkat berkali ganda dengan nilai hasil mencecah jutaan ringgit (Research Division, 2010). Tren ini tentunya membawa impak yang sangat signifikan kepada komuniti yang menjadi tuan rumah atau *host* kepada pelancong yang datang sama ada mereka pelancong tempatan mahupun pelancong antarabangsa. Impak ini seharusnya lebih bermakna kepada penduduk yang tinggal di kawasan desa atau pedalaman.

Bab ini disusun dalam lima bahagian. Bahagian seterusnya ialah permasalahan kajian yang ingin melihat sejauh manakah impak pelancongan dapat dirasai oleh penduduk tempatan khususnya daripada aspek peningkatan taraf hidup mereka di pedalaman. Seterusnya menyusul skop kajian, objektif kajian, kekuatan kajian dan halangan kajian. Kesimpulan akan menjadi penutup kepada bab ini.

1.2 Permasalahan kajian.

Secara faktanya sektor pelancongan dikatakan boleh memberikan suntikan ekonomi kepada penduduk yang tinggal di kawasan desa atau pedalaman. Penilaian asas ini diambil berdasarkan bilangan pelancong yang datang ke sesebuah negara yang menunjukkan peningkatan berterusan. Ambil sahaja contoh negara Thailand, peningkatan bilangan pelancong yang datang ada kaitannya dengan pembangunan pelancongan yang lestari (Walter, & Pawinee, 2008). Maksudnya impak positif daripada sektor pelancongan boleh dibuat dengan kesan minimum ke atas alam sekitar. Pun begitu impak sebenar sektor pelancongan terhadap penduduk setempat banyak bergantung

kepada sokongan penduduk tempatan itu sendiri. Dalam kes ini sikap dan persepsi penduduk setempat terhadap pelancongan dan impak yang diterima sangat kritikal dan perlu menjadi input penting dalam menentukan strategi dan keutamaan dalam membangunkan sektor pelancongan di sesebuah tempat (Ekrem et al., 2002).

Sektor pelancongan secara umumnya berkeupayaan menjadikan negeri yang menjadi tuan rumah menjana tukaran wang asing yang kemudiannya menyumbang kepada peningkatan imbalan bayaran negeri tersebut (Gee et al., 1997; Liu & Var, 1986; Dogan, 1987). Peningkatan permintaan daripada sektor pelancongan di Sabah seharusnya menggalakkan pelaburan baru ke atas infrastruktur (Inskeep, 1991). Antara tahun 1998 hingga 2008, jumlah pelancong antarabangsa yang sampai ke Sabah meningkat daripada 264, 898 orang kepada 701, 198 orang. Jumlah tersebut masing-masing hanya 62.6 % dan 30.5 % daripada jumlah keseluruhan pelancong yang datang ke Sabah untuk tahun terbabit. Penduduk berhampiran resort atau taman tema mungkin mendapat taraf hidup yang lebih baik dan pendapatan yang lebih tinggi menerusi aktiviti pelancongan. Namun begitu, apakah peningkatan bilangan pelancong ini betul-betul membantu meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan? Jika merujuk bilangan pelancong yang datang ke Taman Kinabalu iaitu seramai 232,213 orang (2008) dan 123,773 orang sehingga Jun 2009 tentunya hasil yang dapat dirasai oleh penduduk tempatan sangat memberangsangkan (Research Division for Sabah Tourism, 2010). Soalnya, apakah andaian itu betul? Persoalan inilah yang mendorong agar kajian dilakukan untuk melihat impak yang diterima oleh penduduk tempatan kesan daripada perkembangan sektor pelancongan di Taman Kinabalu. Walaupun tajuk ini sudah dikaji oleh pengkaji pelbagai disiplin, baik

dalam bidang geografi iaitu melihat ekonomi terfokus kepada perkhidmatan yang khusus, maksudnya ia bukan produk yang mempunyai permintaan tinggi tetapi lebih kepada produk niche yang sangat bererti (Alan, 2008), bidang antropologi, sosiologi mahupun ekonomi namun kajian seumpama itu masih belum dibuat di Taman Kinabalu dan petempatan sekitarnya.

Tambahan pula kajian sebelum ini lebih tertumpu kepada aspek positif dan negatif faktor ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar. Aspek positif selalunya membincangkan pengaruh pelancongan meningkatkan pendapatan dan taraf hidup, membangkan ekonomi tempatan dan peluang pekerjaan selain mempromosikan pertukaran budaya. Aspek negatif pula melaporkan pelancongan menyebabkan peningkatan harga barang, nilai tanah dan kadar sewa, menyebabkan kebisingan, kesesakan dan pencemaran, termasuklah merosakkan tapak bersejarah. Menggunakan Taman Kinabalu sebagai tapak kajian serta penduduk sekitarnya, kajian ini mahu mengenalpasti impak pelancongan yang dirasakan penduduk tempatan terhadap taraf hidup.

1.3 Skop dan Definisi Kajian

Fokus kajian ini ialah dalam bidang Geografi Manusia. Ia melihat industri pelancongan sebagai agenda utamanya. Oleh itu, analisis dan perbincangan tertumpu kepada impak yang dirasakan oleh penduduk pedalaman yang menjadi hos kepada pelancong di pusat pelancongan yang terdapat di lokasi berhampiran dengannya. Persoalan yang cuba dijawab ialah bagaimana sektor pelancongan berkesan dalam meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan. Taraf hidup dipengaruhi banyak perkara.

Berasaskan pendekatan oleh Ap & Crompton (1998), taraf hidup boleh ditentukan skalanya. Skalanya boleh dilabelkan sebagai faktor sosial dan budaya, pembangunan ekonomi, kualiti alam sekitar, perkhidmatan kerajaan tempatan dan negeri, kos sara hidup, sikap komuniti tempatan, kesesakan dan ketepuan. Cabaran utama kajian ini ialah untuk memahami istilah taraf hidup mengikut apa yang dirasai oleh penduduk tempatan yang tinggal di tengah Banjaran Crocker pada aras ketinggian melebihi 4,000 meter dari aras laut (Peta 1). Memandangkan bilangan pelancong yang datang ke taman ini mencecah 2,300,428 orang pada tahun 2008 sahaja dan 1,104,903 orang sehingga Jun 2009; impak yang dirasai oleh penduduk tempatan pasti akan menjadi fokus banyak




Peta 1.1 Negeri Sabah. Peta kecil menunjukkan kedudukan Sabah di Malaysia.
 Sumber: Research Devison for Sabah Tourism, 2010

pihak (Research Devison for Sabah Tourism, 2010). Bagi mengetahui apakah yang mereka rasai, sikap serta pengaruhnya terhadap taraf hidup mereka, kajian berkaitannya memang wajar dilakukan.



Peta 1.2 Kedudukan Taman Kinabalu dan petempatan penduduk berdekatan.
 Sumber: Google Maps, 2010.



Peta 1.3. Pekan terhampir dengan Taman Kinabalu, Sabah. Pekan Kudasang, peta kecil menunjukkan kedudukan Taman Kinabalu.
 Sumber: Google map, 2010 (dengan ubahsuai)

Kajian ini di lakukan di negeri Sabah (Peta 1.1). Lokasi kajian secara khusus ialah di Taman Kinabalu, Sabah (Peta 1.2). Sebab utama memilih Taman Kinabalu dan petempatan di sekitarnya ialah tempat ini merupakan lokasi mesti kunjung atau wajib dikunjungi oleh hampir setiap pelancong yang datang ke Sabah. Taman ini sangat menarik untuk dikunjungi dan dilaporkan berjaya memperoleh hasil yang besar daripada sektor pelancongan di Sabah. Kawasan kajian meliputi populasi di sekitar radius 10 km dari Taman Kinabalu dan lingkungan ini meliputi beberapa petempatan berdekatan seperti pekan Kundasang dan Dumpiring (Peta 1.3). Ia terletak kira-kira 88 km dari ibu negeri Sabah atau secara khususnya $6^{\circ}5'$ Utara dan $116^{\circ}33'$ Timuran.

1.31 Pecahan Petempatan Sekitar Taman Kinabalu, Sabah.

Terdapat beberapa buah pecahan kecil kampung yang terdapat di Kundasang di antaranya Pekan Kundasang, Lembah Permai, Cinta Mata, Kouluan, Masilou, Menteki, Bambang, Desa Aman, Kinasaraban, Bundu Tuhan, Dumpiring, Desa Sunyi (Kundasang Lama), Mohimboyon, Nosorob, Pinousok, Gimman, Sinisian dan Keranaan. Penduduknya terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan pembangunan di Taman Kinabalu.

Tempoh masa kajian ini ialah antara 2006 hingga 2009. Ia melibatkan responden yang terdiri daripada penduduk tempatan yang terdiri daripada pelbagai suku kaum. Kajian ini merupakan kajian impak pelancongan menggunakan skala yang dihasilkan oleh Ap & Crompton (1998) yang diubah suai bagi memenuhi persekitaran tempatan. Skop impak pelancongan di Taman Kinabalu terfokus kepada taraf hidup penduduk tempatan iaitu

dengan memasukkan lima faktor utama iaitu yang pertama ialah sosial dan budaya, kedua ialah pembangunan ekonomi, ketiga merupakan kualiti alam sekitar, keempat memasukkan perkhidmatan kerajaan tempatan dan negeri serta yang kelima ialah kos sara hidup.

Menurut kamus Dewan (2009), perkataan pelancong berasal dariada perkataan “lancong” yang membawa erti ‘melawat sambil melihat-lihat’. Melihat-lihat ini boleh juga dimaksudkan sebagai bersenang-senang. Kamus Webster International Dictionary (1961:2417) pula menyatakan pelancongan sebagai satu perjalanan oleh seseorang dan akan pulang ke titik permulannya; satu lawatan pusingan yang biasanya mempunyai tujuan perniagaan, bersenang-senang atau mengikuti pelajaran dan selama perjalanan itu pelbagai tempat dilawati dan satu jadual perjalanan telah dirancang untuk itu. Justeru Oxford English Dictionary (1933;190) mendefinisikan pelancongan sebagai orang yang membuat lawatan atau lawatan-lawatan; terutamanya orang yang berbuat demikian untuk berekreasi, untuk berhibur atau melawat beberapa tempat untuk perkara yang diminatinya, menikmati pemandangan dan sebagainya.

Sebenarnya definisi pelancongan telah berkembang dan ia boleh dikupas mengikut sudut perbincangan itu sendiri. Pengkaji bidang pelancongan tersohor seperti Methienson & Wall (1982) dan Ogilvie (1933) telah menulis yang pelancongan membawa konotasi khusus iaitu orang itu mesti meninggalkan rumahnya untuk satu jangka masa pendek dan wang yang dibelanjakan mestilah datang daripada rumah bukan daripada tempat yang dia lawati. Dalam erti kata lain wang yang datang bukan dari tempat ia lawati.

1.4 Objektif

Objektif utama kajian ini ialah untuk mencari pertalian antara industri pelancongan dengan taraf hidup penduduk yang menjadi host aktiviti pelancongan berhampiran tempat mereka tinggal. Dalam kes ini Taman Kinabalu, Sabah telah dikenalpasti sebagai lokasi asas pelancongan di Sabah dan menjadi tapak wajib dikunjungi oleh pelancong. Berdasarkan perkembangan industri pelancongan di taman itu, secara khusus ia turut mempengaruhi perkembangan taraf hidup penduduk di sekitarnya. Ini cukup istimewa kerana kedudukan Taman Kinabalu adalah 100 km daripada ibu negeri Sabah iaitu Kota Kinabalu dan terletak jauh di pedalaman dengan ketinggian mencecah 4000 meter dari aras laut. Secara khususnya objektif kajian ini ialah:

1. Mengkaji status Taman Kinabalu sebagai sebuah pusat pelancongan utama di Sabah
2. Mengkaji impak Taman Kinabalu sebagai pusat pelancongan kepada masyarakat setempat.
3. Menganalisis aras penerimaan penduduk tempatan terhadap impak pelancongan kepada peningkatan kualiti hidup mereka.

1.5 Kepentingan kajian.

Kajian ini berkaitan bidang Geografi Manusia dan industri pelancongan di negara Malaysia. Bukan bererti bidang ini tidak ada pakar yang memberi perhatian terhadap isu-isu berkaitan dengannya, tetapi kajian ini bertujuan menambah bilangan tenaga pakar dan mahir berkaitan analisis impak pelancongan daripada sudut geografi di negara ini. Kajian

bidang impak membantu meningkatkan kefahaman ramai orang tentang pengaruh , sikap dan penerimaan komuniti tempatan terhadap limpahan apa sahaja yang terhasil daripada aktiviti pelancongan. Sama ada positif mahupun negatif, dapatan daripada kajian ini boleh dijadikan garis panduan dan sumber rujukan bagi menentukan strategi pembangunan kawasan pelancongan pada masa akan datang.

Berdasarkan model pelancongan moden iaitu seperti Model B-L-T sistem tourism Miller's (Miller & Auyong, 1991), aturan manusia dan aturan alam sekitar semula jadi adalah dua sumber yang mewarnai sektor pelancongan. Manusia mampu menghasilkan keindahan menerusi seni binaannya dan juga tinggalan sejarahnya sementara alam sekitar mampu menyediakan khazanah yang menjadi daya tarikan kepada eko-pelancongan. Hutan hujan *dipterokarp* di Borneo adalah antara hutan hujan tertua di dunia dengan ada lebih 16 jenis pokok dan 350 spesis burung, 100 spesis marmal, 4,500 spesis flora dan fauna gunung ganang menjadi sumber kepada mereka (Wikipedia, Ogos 2010). Negeri Sabah semakin baik dalam menyediakan kemudahan-kemudahan tersebut dan semakin berkerja keras untuk memajukan sektor pelancongannya. Sebagai contoh *Borneo Rainforest Lodge Awards & Accolades* adalah antara usaha menggalakkan pengusaha tempatan untuk memajukan penginapan berasaskan pelancongan alam semula jadi di Sabah. Gunung Kinabalu adalah satu tarikan lama tetapi cukup penting kepada Sabah. Ia boleh dianggap sebagai legasi pelancongan yang cukup bernilai. Buktinya begitu jelas dengan wujudnya nama Low's peak bagi merujuk legasi yang ditinggalkan oleh Pentadbir British era penjajahan iaitu Hugh Low dan beliau diiktiraf sebagai orang yang pertama sampai ke puncak Kinabalu pada tahun 1895 (Taman Kinabalu, 2010).


1.6 Kekangan Kajian.

Halangan kajian wujud dalam beberapa bentuk. Selain faktor kewangan, jarak dan tempat merupakan dua halangan paling besar dalam kajian ini. Kedudukan Taman Kinabalu yang jauh daripada bandar besar, walaupun dapat dihubungi menggunakan pengangkutan darat tetapi perjalanannya amat meletihkan. Mendekati warga emas penduduk tempatan juga ada masalah khususnya masalah komunikasi. Dialek tempatan menjadi batasan kelancaran soal selidik.

1.7 Rangka Kajian.

Peringkat kajian dapat dilihat daripada Rajah 1.1, iaitu kerangka kerja kajian ini. Teras utama kajian ini ialah berkaitan industri pelancongan di Taman Kinabalu, Sabah dan impaknya kepada taraf hidup penduduk tempatan. Oleh itu, kajian ini terbahagi kepada lima peringkat utama. Peringkat pertama ialah kajian awal atau kajian di atas meja. Pada peringkat inilah pemilihan tajuk kajian akan dilakukan. Seterusnya kerja-kerja mendapatkan maklumat berkaitan tajuk kajian perlu dilakukan bagi memperkukuhkan latar belakang kajian.

Peringkat kedua kajian melibatkan pencarian data sekunder, data kritikal dan data primer. Pada peringkat ini kerja-kerja mencari bahan literatur dimulakan di beberapa tempat iaitu di perpustakaan awam dan juga universiti tempatan, termasuk pusat sumber jabatan atau agensi kerajaan. Data sekunder selalunya diperoleh daripada hasil kajian ilmiah yang lepas, laporan mahupun daripada bahan terbitan serta sumber internet. Begitu juga data



Rajah 1.1 Kerangka kajian.

kritikal yang diperoleh menerusi laporan tulen yang masih belum diterbitkan lagi. Pengumpulan data primer dijalankan menerusi siri soal selidik di lapangan, temubual dan pemerhatian. Peringkat ketiga kajian merupakan peringkat pemerosesan data dan menginput data iaitu daripada borang soal selidik ke komputer menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* edisi 17.

Kerja-kerja menganalisis juga termasuk dalam peringkat kerja ini. Peringkat keempat pula ialah peringkat penulisan tesis. Ia dimulakan dengan penghantaran untuk semakan draf awal yang merangkumi penulisan lima bab. Peringkat kelima dan terakhir adalah peringkat menghantar tesis.

1.8 Jadual Kajian

Kajian ini mengambil masa lima tahun untuk disiapkan. Carta Gant boleh dilihat dalam Jadual 1.1 Secara berstruktur, peringkat pertama kajian meliputi tahun pertama hingga tahun ketiga telah digunakan untuk mengumpul dan mendapatkan maklumat serta data berkaitan isu yang menjadi tumpuan kajian ini. Bagaimanapun memandangkan kekangan tugas yang menjadi kerja hakiki telah dikesan menjadi faktor mengapa proses pengumpulan data dan proses menganalisisnya memakan masa yang agak panjang. Peringkat kedua kajian bermula daripada tahun keempat hingga kelima telah digunakan untuk menulis laporan dan draf tesis kajian ini. Akhirnya tesis ini berjaya disiapkan pada tahun 2010.

Jadual 1.1. Carta Gant Kajian

Aktiviti/Perancangan	Tahun	J	F	M	A	M	J	J	O	S	O	N	D
Kajian awal	2006	X	X	X	X	X	X	X	X	X			
Literatur review					X	X	X	X	X	X	X	X	X
Kutipan data sekunder	2007	X	X	X	X	X	X						
Kutipan data primer	2008					X	X	X	X	X	X		
Input data		X	X	X	X	X	X						
Analisis data						X	X	X	X	X	X	X	X
Penulisan draf 1	2009	X	X	X	X	X	X						
Membentang dapatan awal								X					
Penulisan draf 2	2009							X	X	X	X	X	X
Membentang dapatan kajian													X
Penulisan draf akhir	2010	X	X	X	X								
Notis menghantar tesis						X							
Hantar tesis							X	X	X				

1.9 Susunan Tesis

Penulisan laporan tesis ini dibuat secara tersusun iaitu dalam Enam Bab keseluruhannya. Penulisan tesis dimulakan dengan bab pengenalan. Ini diikuti dengan Bab Dua yang memberikan fokus kepada kajian literatur. Bab ini turut memberikan kupasan terhadap himpunan tajuk-tajuk serta bidang kajian yang berkaitan dengan geografi pelancongan atau apa sahaja isu yang berkaitan dengan pelancongan. Bab Tiga akan menghuraikan penggunaan metodologi yang diguna pakai sepanjang kajian ini dihasilkan. Analisis dan dapatan kajian akan dikupas dalam Bab Empat sementara Bab Lima lebih fokus dalam membincangkan rumusan serta pelan tindakan yang boleh diambil untuk memperkukuh kesan positif pelancongan kepada penduduk tempatan. Penghujung Bab akan diisikan oleh Bab Kesimpulan.

1.10 Rumusan

Persoalan-persoalan kajian yang perlu dijawab meliputi beberapa perkara, antaranya apakah ciri-ciri terbaik yang terdapat di tapak pelancongan Taman Kinabalu, Sabah? Persoalan seterusnya ialah apakah daya tarik tapak pelancongan Taman Kinabalu sehingga ia mampu memberikan impak besar kepada ekonomi masyarakat tempatan? Persoalan ketiga apakah isu dan masalah yang terdapat di kalangan penduduk tempatan berkaitan penerimaan mereka terhadap sektor pelancongan berhampiran tempat tinggal mereka berasaskan kajian persepsi? Persoalan keempat apakah cadangan yang boleh dibuat bagi memastikan impak pelancongan kepada kualiti hidup penduduk tempatan benar-benar mencerminkan jumlah kedatangan pelancong ke tempat mereka? Jawapan kepada persoalan-persoalan ini akan dijawab dalam bab-bab yang seterusnya.

BAB 2. KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Pelancongan merupakan industri terbesar dunia (Scheyvens & Momsen, 2008). Ia digunakan sebagai strategi pembangunan memandangkan pengaruhnya kepada penjanaaan tukaran asing, penjanaaan pekerjaan dan merangsang ekonomi masyarakat tempatan. Justeru itu, Sabah tidak terkecuali menggerakkan industri pelancongan sebagai usaha memajukan taraf hidup rakyatnya. Sabah mempunyai sejarah yang panjang berhubung industri pelancongan khususnya daripada aspek sumbangan sektor tersebut kepada ekonomi negeri. Antara tahun 1998 hingga pertengahan 2009, sejumlah besar pelancong telah datang ke Sabah (Research Devison for Sabah Tourism, 2010). Kecuali tahun 2008, kapasiti bilangan pelancong yang sampai ke Sabah setiap tahun meningkat iaitu tahun 1998 hingga tahun 2008 seperti dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1. Bilangan pelancong ke Sabah antara tahun 1998 hingga 2008.

Tahun	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2005	2008
Bilangan pelancong	423,284	483,991	774,475	918,523	1,107,356	1,251,454	1,828,771	2,300,428

Sumber: Research Devison for Sabah Tourism, 2010

Ertinya, kedatangan mereka ditafsirkan sebagai penyuntik RM berjuta ke dalam sistem ekonomi Sabah khususnya secara signifikan kepada kawasan pedalaman yang menjadi

tempat destinasi pelancong tersebut. Justeru kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti impak pelancongan yang dirasai oleh penduduk tempatan di sekitar kawasan Taman Kinabalu. Kajian ini adalah kajian impak pelancongan.

Kajian berkaitan impak banyak telah dibuat antaranya di kawasan resort di Kusadasi, Barat Turki (Ekrem Tatoglu et al., 2002). Kajian yang mengambil kira 30 angkuabah impak pelancong mendapati kesan ke atas ekonomi dan taraf hidup adalah antara impak yang mendapat skor paling tinggi. Angkuabah menurut kamus Dewan (2010) ialah sesuatu faktor (unsur, ciri dan angka) yang tidak tetap atau boleh berubah dan turut dikenali sebagai variabel. Kesan kepada dua buah kampung juga telah dijalankan di Fiji (Ulack, 1993). Impak pelancongan kepada penduduk tempatan juga mendapat litupan penduduk beberapa negara Afrika (Ashley, 2000), negara Asia Timur seperti China (YiPing Li, 2002) dan juga daripada penduduk tempatan negara Thailand (Untong Akarapong, 2006). Impak pelancongan di negara Afrika seperti Namibia oleh Caroline (2002) mendapati penduduk mendapat faedah peluang kerja, pendapatan berterusan walaupun pada musim kering, pemindahan kemahiran dan pengeluasan pasaran hasil tanaman mereka. Namun pada masa yang sama mereka terpaksa bersaing untuk mendapatkan sumber air yang terhad dengan pelancong dan pengusaha resort, kerosakan alam sekitar, kehilangan kawasan padang ragut dan kehilangan ternakan kepada haiwan pemangsa. Kajian YiPing Li (2002) mendapati pelancongan telah menjadikan budaya tempatan sebagai komoditi baru dalam ekonomi negara China terutamanya yang bersifat '*exotic*' dan '*quaint*'. Kajian oleh Untong Akarapong (2006) mendapati penduduk tempatan berpendapat pelancong lebih banyak membawa kesan negatif kepada penduduk tempatan terutamanya kepada alam sekitar mereka seperti pencemaran, jenayah dan penyusutan sumber alam.

Mereka mendakwa kesan kepada ekonomi hanya berbentuk kesan secara tidak langsung kepada pembangunan di tempat mereka. Kesan positif pula berbentuk menjana peluang kerja yang lebih besar, penambahan pendapatan dan penjurangan nilai budaya serta keharmonian tempatan.

2.2 Pendekatan Kajian

Kajian berkaitan industri pelancongan berkembang dalam tempoh 30 tahun dulu. Minat kajian pada peringkat awal iaitu pada tahun 1960-an banyak memberikan fokus kepada sudut ekonomi dan impak positif sektor tersebut (Pizam, 1978). Memasuki tahun-tahun 1970-an, cakupannya turut dibincangkan dalam bidang Antropologi Sosiologi dengan pendekatan yang lebih kritis. Mereka melihat impak negatif pelancongan kepada budaya masyarakat tempatan (De Kadt. 1979). Menjelang tahun-tahun 1980-an, pendekatan yang lebih seimbang diambil dengan meletakkan perbincangan pelancongan berwadahkan *sustainable tourism*. Perbincangan berkaitan impak positif dan negatif dibuat secara seimbang (Ap & Crompton, 1998; Inskeep, 1991). Kajian ini melihat impak daripada sudut persepsi penduduk yang menjadi tuan rumah kepada industri pelancongan iaitu penduduk sekitar Taman Kinabalu, Sabah.

2.2.1 Skop Pelancongan

Pelancongan mempunyai skop yang sangat luas, kompleks dan mempunyai pelbagai terminologi untuk menjelaskan maksudnya. Sangat sukar untuk membezakan antara pelancongan dengan aktiviti rekreasi, pelbagai definisi telah dikemukakan oleh

ramai penyelidik sejak awal abad ke-20 lagi. Ini kerana pelancongan mengandungi banyak aktiviti perkhidmatan dan industri. Jadi ia lebih senang untuk menerangkan apa yang ada pada pelancongan berbanding mencari definisinya. The WTO mendefinisikan pelancongan sebagai “aktiviti orang yang melakukan perjalanan dari tempat di luar tempat tinggalnya dan tinggal untuk beseronok, berniaga serta lain-lainnya tidak lebih dari setahun tanpa gangguan. Banyak lagi skop pelancongan telah dikaji antaranya termasuklah oleh Ogilvie (1933) yang mengkaji tentang aliran pelancong di United Kingdom dan negara-negara Eropah secara sistematik menggunakan analisis statistikal. Pengkaji utama lain termasuklah Frechtling, (1974), Cohen (1974) dan Mathienson dan Wall (1982).

Cohen (1974) mengenalpasti enam dimensi pelancong iaitu kecekalan, kesukarelaan, arah, jarak, perulangan dan juga tujuan. Baginya pelancong adalah seorang pengembara sementara yang secara suka rela pergi dengan harapan untuk mendapatkan kepuasan daripada keadaan baru serta perubahan yang dialaminya ketika melakukan aktiviti perjalanan jauh secara kitaran tetapi tidak berulang. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1963 mencadangkan istilah pelancong dan pelawat. Pelawat bererti sesiapa yang melawat sesebuah negeri yang lain daripada negeri tempat ia bermastautin dengan sebab lain daripada untuk mendapatkan kerja serta ganjaran dari tempat yang ia lawati. Berdasarkan PBB juga, pelancong ada yang berupa pelawat sementara dan tinggal sekurang-kurangnya 24 jam di tempat yang dilawatinya dengan tujuan untuk bersenang-senang dan urusan perniagaan, keluarga, perwakilan mahupun bermesyuarat. Persiar yang berupa pelawat sementara yang tinggal kurang 24 jam di negeri yang dikunjunginya.

2.2.2 Sumber Pelancongan Semula Jadi

Pelancongan semulajadi memberi fokus kepada budaya tempatan, meneroka alam semulajadi, mempelajari cara baru kehidupan dan perkembangan diri di dunia ini. Secara tipikalnya turut didefinisikan sebagai perjalanan ke satu destinasi di mana flora, fauna dan warisan budaya menjadi daya tarikan utama. Pelancongan semulajadi yang lestari memasukkan juga program yang dapat meminimumkan kesan lanjutan ke atas alam semula jadi dan meningkatkan integriti budaya penduduk tempatan. Justeru itu promosi ke atas usaha kitar semula, penggunaan semula air, kecekapan tenaga dan penciptaan peluang ekonomi untuk komuniti tempatan merupakan sebahagian daripada pelancongan semula jadi (Jeffrey, 2001).

Sehubungan itu, pelancongan mempromosikan konsep baru dalam pelancongan seperti pelancongan berasaskan sumber semula jadi, eko-pelancongan dan juga pelancongan lestari. Pelancongan di Taman Kinabalu sebenarnya menjurus kepada apa yang dibawa oleh pelancongan ke dalam hidup penduduk tempatan dan bagaimana mereka menilai impak ke atas kehidupan mereka dalam bentuk persepsi iaitu realiti yang berlaku ke atas mereka. Taman Kinabalu adalah pelancongan berasaskan sumber semulajadi. Oleh itu pembangunan di situ mesti bersifat lestari. Bentuk pelancongan seperti ini mempromosikan alam sekitar yang lebih selamat untuk produk tempatan khususnya bertujuan menjana pendapatan daripada sumber semula jadi, dan dalam kajian ini merujuk gunung Kinabalu yang berketinggian 4,095 meter dari aras laut.

2.3 Kajian Impak Pelancongan.

Pelancongan sudah dikenalpasti sebagai sumber sejak dulu lagi. Laporan oleh *U.S. Bureau of Economic Analysis* misalnya menganggarkan perbelanjaan pelancong pada tahun 2007 berjumlah US\$ 14.8 bilion, 7.1 % lebih tinggi berbanding tahun 2006. Pelancongan juga telah menjana 149,800 peluang pekerjaan dengan pendapatan US\$4.2 bilion pada tahun 2007. Sektor ini juga menghasilkan US\$973 juta dalam bentuk cukai kepada pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri (Dean Runyan Associates, 2008). Aspek cukai juga disentuh oleh hasil impak pelancongan yang positif ke atas ekonomi tempatan juga mendorong ia diterima baik oleh penduduk tempatan. Kerajaan negeri akan mendapat faedah daripada tukaran wang asing (Gee et al, 1997; Liu & Var, 1986; Dogan, 1987) sementara penduduk tempatan mendapat peluang pekerjaan (Sheldon & Var, 1984). Ini termasuklah dalam bentuk pelaburan di sektor infrastruktur (Inskeep, 1991), seperti pembangunan pengangkutan serta telekomunikasi (Milman & Pizam, 1988). Pelancongan turut menggalakkan peningkatan aktiviti ekonomi di kawasan sasaran dan penduduk berhampiran resort, hotel mahupun taman pelancongan berpeluang mendapat pendapatan yang lebih baik serta menikmati taraf hidup yang lebih tinggi menerusi aktiviti pelancongan yang ada di situ.

Pelancongan juga boleh mendatangkan kesan negatif. Impak negatif ini dikatakan boleh mengurangkan keberkesanan impak positif yang dinikmati oleh penduduk (Archer & Cooper, 1998). Antaranya termasuklah berlaku peningkatan harga barangan keperluan harian serta perkhidmatan berikutan meningkatnya permintaan daripada pelanggan daripada luar (Liu & Var, 1986; Husbands, 1989). Peningkatan permintaan ke atas

kemudahan terutama dalam musim kedatangan pelancong memungkinkan berlakunya lonjakan kadar sewa sama juga yang berlaku ke atas nilai hartanah, harga rumah dan bilik hotel (Pizam, 1978(a) dan (b); Var et al, 1985). Pengalaman ini turut dirasai oleh penduduk pekan Luzhi, China khususnya terhadap harga tanah dan barang (Chennan, et al. 2002). Jika ini berlaku, hasil sektor pelancongan yang sepatutnya mengalir kepada penduduk tempatan telah tiris kepada golongan bermodal besar seperti pemilih hartanah dan juga ahli perniagaan. Penduduk tempatan sebaliknya akan menderita kerana peningkatan kos sara hidup dan juga agihan pendapatan yang tidak seimbang (Dogan, 1987; AP. 1992).

Banyak kajian telah menyimpulkan bahawa pelancongan boleh menyebabkan berlakunya perubahan nilai murni masyarakat tempatan, kepercayaan dan budaya mereka. Kesannya sangat dirasakan oleh penduduk tempatan yang naif. Menerusi pemerhatian terhadap pelancong yang datang, penduduk tempatan boleh terpengaruh dan mengubah cara hidup mereka menerusi cara berpakaian, makan, hiburan dan aktiviti rekreasi serta bahasa pertuturan. Kalau ini diterjemahkan secara positif iaitu dalam bentuk peningkatan taraf hidup barangkali ia boleh diterima tetapi daripada aspek akulturasi atau pembudayaan masyarakat tempatan ini merupakan petanda buruk (Brunt & Courtney, 1999; Dogan 1987) sebab ia boleh merosakkan keaslian identiti budaya serta warisan atau *heritage* penduduk tempatan. Perlu diingat ciri unik budaya tempatan merupakan daya penarik kepada pelancong luar untuk datang ke sini. Mereka datang untuk bertukar budaya (Brayley et al, 1990).

Sentuhan kajian berkaitan impak pelancongan ke atas sosial dan budaya pernah dibincangkan oleh Ap & Cromton (1998) berhubung isu perubahan sistem nilai, tingkah laku atau sikap individu, pertalian keluarga, cara hidup serta moral (Yvette et al., 2003). Pembangunan pelancongan dikatakan memainkan peranan dalam mewujudkan kelas sosial yang nyata iaitu golongan kaya yang terdiri daripada peniaga dan pemilik hartanah dan miskin yang terdiri daripada rakyat tempatan. Malahan ia juga mengundang masalah baru dengan kebanjiran pendatang asing (de Kadt, 1979; Dogan, 1987). Menurut Brunt & Courtney (1999) ini boleh mewujudkan struktur sosial yang baru iaitu kelompok yang mempunyai hubungan rapat dengan pelancongan dengan yang tidak mempunyai hubungan dengan sektor tersebut. Peningkatan pendatang asing yang pesat juga boleh menimbulkan konflik sosial di kawasan terbabit.

Nilai taraf hidup mempunyai cakupan yang luas untuk dibincangkan. Makna taraf hidup kepada golongan wanita boleh dianggap positif. Kajian oleh Gee et al, (1997) menunjukkan wanita mendapat lebih kebebasan, lebih peluang pekerjaan, meningkatkan keupayaan sendiri dan penghormatan, pendidikan yang semakin baik dan peningkatan taraf hidup apabila pendapatan bertambah. Pun begitu, aspek negatifnya tetap ada apabila ia dikaitkan dengan peningkatan kadar penceraian dan pelacuran, hilang nilai tradisi dan meninggalkan kerja tradisi mereka serta pengikisan struktur sosial tradisi masyarakat tempatan seperti di Chitwan Sauraha dan Pokhara Ghandruk, Nepal (Ram Niwas P et al.,1995) dan juga terhadap penduduk asli di Hawaii (Rev. Kaleo Patterson, 1992).

Pelancongan juga boleh memacu ke arah kemerosotan nilai-nilai moral seperti ketagihan arak serta dadah. Milman & Pizam (1988) misalnya dalam kajian mereka di tengah Florida, Amerika Syarikat menyatakan ia boleh menjadi punca meningkatnya kadar jenayah dan *stress* di kalangan komuniti tempatan. Hubungan antara manusia sudah menjadi lebih komersial tidak seperti dulu. Seterusnya nilai kerjasama sesama masyarakat menjadi semakin lemah (Dogan, 1989). Apakah ertinya peningkatan penduduk yang berlaku pada setiap musim pelancong datang di sebuah pekan yang terletak 4000 meter dari aras laut, di tengah hutan hujan gunung dan di tengah banjaran Croker? Kajian oleh Ross (1992) mendapati pengalaman yang dialami oleh petempatan terpencil di Amerika Syarikat pada musim panas telah menyebabkan peningkatan kadar kebisingan, kesesakan dan pencemaran sudah mula dialami penduduk tempatan. Penduduk terpaksa bersaing untuk mendapatkan kemudahan perkhidmatan parking, tempat rehat, restoran, serta perkhidmatan awam yang lain khususnya pada hari cuti hujung minggu dan cuti sekolah. Satu daripada empat responden dalam kajian Chennan (2002) mendapati pelancongan tidak meningkatkan kualiti air terusan, menyebabkan kesesakan, pencemaran air, meningkatkan kebisingan, dikatakan mencuri dan memusnahkan persekitaran kejiranan asal masyarakat setempat yang harmoni.

Urbanisasi yang tercetus akibat pembangunan pesat sektor pelancongan boleh meningkatkan perkhidmatan kerajaan tempatan khususnya daripada aspek keselamatan dan kemudahan infrastruktur. Pada masa yang sama bentuk hiburan dan pusat membeli belah juga meningkat seperti di kawasan sekitar kawasan pelancongan (Aurora Pedro, 2006). Las Vegas, Amerika Syarikat misalnya adalah bandar perjudian yang

berorientasikan pelancongan (Gladstone, 1998) sementara aspek warisan banyak terdapat di bandar-bandar utama Asia (Ho, 2005).

Alam sekitar turut menerima impak pelancongan. Banyak perbincangan telah menyentuh tentang impak pelancongan ke atas alam sekitar, sama ada terhadap alam sekitar pinggir pantai, hutan hujan tropika mahupun ke atas kawasan tinggi. Pembinaan yang tidak terkawal, penyimpangan urbanisasi dan kerosakan infrastruktur merosakkan alam sekitar dan kehidupan liar serta menyebabkan pencemaran udara dan air. Penggunaan keterlaluan tapak-tapak alam semula jadi, arkeologi dan sejarah boleh merosakkan keasliannya (Inskeep, 1991; Gee et al, 1997). Kos yang terpaksa ditanggung sebenarnya tidak boleh dijawab dengan menggantikannya dengan bayaran wang ringgit.

Pelancong memerlukan alam sekitar yang bersih dan bersifat semula jadi. Penduduk seharusnya sedar tentang isu alam sekitar dan ekologi di tempat mereka (Liu & Var, 1986; Inskeep, 1991). Mereka adalah sebahagian daripada alam sekitar tempatan, oleh itu berapa besarnya kesan yang diterima oleh komuniti tempatan ini banyak bergantung kepada bilangan pelancong, ciri ekonomi dan etnik, tempoh masa pelancong tinggal dan aktiviti yang mereka lakukan. Secara sosial, budaya, struktur ekonomi dan keadaan mereka sebagai hos kedatangan pelancong menjadi faktor penting dalam menilai impak pelancongan kepada mereka.

Kajian ke atas penduduk Luzhi di China oleh Chennan (2002) misalnya berpendapat 98 peratus daripada mereka percaya impak positif pelancongan lebih besar berbanding